

17 AUG 1997

Anwar-Islam

DR MAHATHIR PERLU DIBERI PELUANG KEMUKA PANDANGAN MENGENAI ISLAM

LANGKAWI, 17 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu diberi peluang mengemukakan pandangan dan teguran mengenai Islam terutama berhubung pendekatan terhadap pelaksanaan hukum Syariah dan undang-undang Islam.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata kebebasan itu perlu diberi memandangkan soal itu ada hubungkait dengan soal kelanjutan sistem politik dan pentadbiran negara.

Pandangan beliau (Dr Mahathir) bukan merupakan suatu persoalan politik semasa yang boleh hilang begitu sahaja memandangkan perkara itu merupakan persoalan dasar, katanya ketika merasmikan Konvensyen Umno Kedah di sini malam ini.

Anwar berkata Perdana Menteri, dengan pengalaman, kebijaksanaan dan hikmah yang diberikan oleh Allah swt dan dengan pengiktirafan negara dan seluruh dunia, beliau patut diberi peluang itu.

"Saya berani memberikan penjelasan ini kerana berkesempatan berbincang secara peribadi dengan beliau dalam beberapa mesyuarat dan tahu tentang pendiriannya yang sebenar," jelasnya.

Anwar berkata beliau membangkitkan perkara itu kerana baru-baru ini terdengar suara-suara sumbang terutama terhadap Perdana Menteri dan lain-lain pemimpin negara berhubung pendirian dan pendekatan mereka terhadap pelaksanaan hukum Syariah dan undang-undang pentadbiran Islam di negeri-negeri.

Katanya ada yang membuat kesimpulan seolah-olah pimpinan Umno nampaknya negatif terhadap pelaksanaan hukum Syariah dan tidak bersetuju dengan prinsip Islam terutama pelaksanaan hukum Syariah.

"Saya nak jelaskan, perkara itu tidak pernah berbangkit atau timbul sikap pimpinan negara khususnya Perdana Menteri untuk mempertikaikan hukum Syariah atau mempersoalkan hukum dan undang-undang Islam," tegasnya.

Katanya apa yang dipertikaikan ialah tafsiran, pengertian dan kefahaman tentang beberapa aspek Syariah dan tafsiran tentang bagaimana dan apakah corak pelaksanaan yang terbaik dan relevan untuk negara ini.

Terdahulu, Menteri Besar Kedah Tan Sri Sanusi Junid berkata anggota UMNO perlu berubah sikap dalam pendekatan politik mereka demi keutuhan parti dan kegemilangan negeri ini pada masa depan.

Mereka perlu mengamalkan politik perpaduan dan mengelakkan sikap berpuak-puak dan komplot untuk menjatuhkan antara satu sama lain.

Katanya sudah sampai masanya mereka berhenti daripada mengadakan pakatan seperti itu dan sebaliknya menumpukan kepada usaha memberi khidmat kepada masyarakat.

Sanusi berkata anggota UMNO juga perlu menanam sikap untuk bersedia menerima teguran atas sesuatu perkara untuk kebaikan bersama.

"Sepatutnya anggota UMNO tidak menyimpan rasa benci terhadap sesiapa sahaja termasuk musuh mereka dan mengakui kebaikan yang telah dibuat kerana ini akan mempamerkan kematangan mereka dalam berpolitik", jelasnya.

Sanusi yang juga Ketua Perhubungan UMNO Kedah mahu anggota parti memainkan peranan masing-masing bagi memastikan pertumbuhan ekonomi negeri ini berjalan seiring dengan pembangunan pesat negara. -- Bernama

NH oba